



PEMBERITAHUAN

MCMC JALANKAN SURVEI MALAYSIA INKLUSIF DIGITAL: MENILAI AMALAN DAN TINGKAH LAKU AWAM BAGI MEMPERKUKUH KEBERKESANAN KOMUNIKASI KERAJAAN 2026

CYBERJAYA, 13 April 2026 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan survei “Ke Arah Malaysia Yang Inklusif Secara Digital: Penilaian Amalan, Tingkah Laku Dan Literasi Maklumat Awam Bagi Memperkukuh Keberkesanan Komunikasi Kerajaan 2026” bagi mengumpul maklumat bagi mengukur pengalaman dan persepsi orang awam terhadap komunikasi kerajaan.

Survei ini akan dijalankan dari April sehingga Julai 2026 melalui temu ramah secara bersemuka dan perbincangan kumpulan fokus bagi memastikan penyertaan awam yang lebih meluas dan inklusif. Responden survei ini terdiri daripada penduduk Malaysia yang dipilih secara rawak.

Orang awam adalah dimaklumkan bahawa survei ini dijalankan semata-mata untuk tujuan statistik dan penyelidikan. Tiada sebarang data peribadi seperti nama penuh, kad kredit/debit atau maklumat bank akan diminta. Tiada sebarang bayaran, caj atau transaksi kewangan terlibat dan survei ini tidak berkaitan dengan sebarang aktiviti jualan atau komersial.

Penyertaan adalah secara sukarela sepenuhnya dan MCMC amat menghargai kerjasama serta penglibatan orang awam.

Sebarang kemas kini atau perubahan tempoh survei akan diumumkan di laman sesawang MCMC: www.mcmc.gov.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Ibu Pejabat MCMC, MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000
Cyberjaya, Selangor

(u.p: Jabatan Statistik dan Risikan Data - statistics@mcmc.gov.my)

Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1000

www.mcmc.gov.my